

***SAMBUTAN 20 TAHUN DAN SUMBANGAN
KOPERASI LLM BERHAD***

**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT TUAN HAJI MOHD.
ANUAR BIN MOHD. TAHIR
TIMBALAN *MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA***

***20 FEBRUARI 2019
IBU PEJABAT LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA***

Terima kasih saudara pengacara majlis.



Kata Aluan

1. Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob
Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia
2. Yang Berbahagia Dato' Sr. Aziz bin Abdullah
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
3. Yang Berusaha Tuan Idrus Bin Mat Tais
Pengerusi
Koperasi LLM Berhad
4. Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah
Setiusaha Bahagian
Bahagian Pembangunan & Pelaksanaan
5. Yang Berbahagia Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
6. Yang Berusaha Tuan Ir. Abdullah Bin Hashim
Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

7. Yang Berusaha En. Rusli Bin Jaafar

Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Negeri Selangor Darul Ehsan

8. Ketua-Ketua Eksekutif Syarikat Konsesi, pegawai-pegawai kanan KKR serta LLM, Tan Sri - Tan Sri , Dato' - Dato', Datin - Datin, Tuan-Tuan Puan-Puan Sekalian

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Pertama sekali, saya amat berbangga dan ingin melahirkan rasa terima kasih kepada Koperasi LLM Berhad kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama meraikan sambutan ulangtahun ke 20 serta penyampaian sumbangan Koperasi LLM Berhad hari ini.
2. Sesungguhnya, saya amat teruja bersama-sama hadirin sekalian untuk terlibat dan turut serta dalam program sebegini. Ini adalah suatu majlis yang diraikan oleh semua anggota KopLLM Berhad yang terdiri daripada pegawai-pegawai, kakitangan dan pesara Lembaga Lebuhraya Malaysia. Syabas diucapkan kepada pegawai dan kakitangan LLM yang telah mengambil tindakan positif dan bijak dengan menubuhkan gerakan Koperasi dalam organisasi dan bergerak aktif untuk menjana pendapatan anggota serta memberi pelbagai manfaat mahupun kebajikan kepada anggotanya.

Hadirin sekalian,

3. Pada tahun ini Koperasi LLM Berhad menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-20. Koperasi LLM Berhad telah ditubuhkan pada tahun 1999 dengan jumlah keahlian sebanyak 115 orang. Saya difahamkan, pelbagai aktiviti perniagaan seperti operasi stesen minyak, pembelian dan penyewaan hartanah atau rumah kedai dan perniagaan-perniagaan lain telah diceburi oleh Koperasi sejak penubuhannya yang kemudiannya terbukti membuahkan hasil yang lumayan kepada semua anggotanya. Sehingga kini keanggotaan Koperasi LLM Berhad telah bertambah kepada 264 orang dengan modal saham sebanyak RM3.7 Juta.

4. Saya berasa teruja apabila dimaklumkan bahawa Koperasi LLM Berhad telah berjaya memberikan dividen kepada semua anggotanya di antara 10% sehingga 30% sejak mula penubuhannya. Saya kira jumlah ini sangat tinggi dan sangat berbaloi kepada semua anggota KopLLM Berhad. Syabas diucapkan kepada Ahli Lembaga dan kakitangan KopLLM Berhad khasnya serta seluruh anggota koperasi amnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Selain aktif dalam bidang perniagaan, Koperasi LLM Berhad telah banyak melaksanakan pelbagai program kebajikan kepada seluruh anggotanya. Sepanjang 3 tahun ke belakang ini iaitu dari 2016-2018, sebanyak lebih RM300,000.00 telah dibelanjakan untuk sumbangan pendidikan, khairat kematian, sumbangan kepada yang memerlukan seperti anak-anak sekolah, ibu tunggal, fakir miskin dan sebagainya. Ini selaras dengan moto KopLLM Berhad iaitu LabaJutaKongsiSama.

6. Selain itu, saya juga dimaklumkan bahawa khairat kematian yang dibayar oleh Koperasi LLM Berhad adalah di antara yang tertinggi di negara ini iaitu sebanyak RM 5,000.00 bagi kematian anggota Koperasi.

Yang Berbahagia Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan Puan sekalian,

7. Saya turut difahamkan, Koperasi LLM Berhad telah beberapa kali menghantar anggotanya yang terpilih dengan kriteria yang tertentu menunaikan ibadah umrah secara percuma. Saya percaya langkah ini adalah salah satu manfaat terbaik yang telah diberikan oleh Koperasi LLM Berhad kepada anggotanya.

8. Selain itu, Koperasi LLM Berhad kini bukan hanya sebagai badan yang mementingkan kebajikan setiap anggotanya, malah ia telah bergerak jauh dengan menceburi pelbagai bidang perniagaan termasuk sewa pajak hartanah, aktiviti kredit kepada anggota, pengiklanan luar (*billboard*), penganjuran kursus-kursus dan seminar dan pelbagai aktiviti perniagaan lain. Aktiviti perniagaan Koperasi LLM Berhad terus meningkat dan saya dimaklumkan bahawa jumlah *turn over* Koperasi LLM Berhad bagi tiga tahun ke belakang adalah sebanyak RM41,374,008.00 bagi tahun 2016, RM44,734,288.00 bagi tahun 2017 dan RM 45,045,775.00 pada tahun 2018.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Dengan gerakan Koperasi LLM Berhad yang sangat aktif sejak penubuhannya, tidak hairanlah apabila pada tahun 2018, Koperasi LLM Berhad telah berjaya muncul sebagai antara 100 Koperasi Terbaik dengan kedudukan ke-24 daripada 14,094 buah koperasi di seluruh negara. Tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan kepada Pengerusi, Anggota Lembaga, dan seluruh anggota Koperasi LLM Berhad di atas kejayaan yang amat manis ini.

Hadirin sekalian,

11. Koperasi bukanlah entiti yang memberi perkhidmatan kepada orang awam seperti jabatan kerajaan. Sebaliknya Koperasi adalah satu pertubuhan yang menjana pendapatan dan melaksanakan aktiviti perniagaan untuk manfaat anggotanya. Justeru saya percaya dengan pengalaman tadbir urus yang baik warga LLM di dalam organisasi kerajaan akan dapat juga diterjemahkan semasa mereka melaksanakan tugas berkaitan Koperasi.

Saya difahamkan, Anggota Lembaga yang dilantik di kalangan warga LLM terpaksa melaksanakan tugas-tugas berkaitan Koperasi dengan ruang masa yang terhad iaitu di luar waktu pejabat. Walaupun begitu kita dapati perjalanan Koperasi LLM Berhad ini tetap lancar dan berada pada tahap yang terbaik.

12. Bagi pihak Kerajaan, kita akan sentiasa menyokong gerakan atau pertubuhan seperti Koperasi ini kerana ia sememangnya memberi manfaat yang banyak kepada anggotanya. Besarlah harapan saya agar Koperasi LLM Berhad akan terus berjaya dan mantap di masa hadapan. Sebarang ruang dan peluang dalam perniagaan haruslah direbut untuk memastikan kecemerlangan Koperasi LLM Berhad akan berterusan dan sentiasa setanding dengan mana-mana Koperasi terkemuka di negara ini.

Untuk itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan sukacitanya saya melancarkan **Majlis Sambutan ke-20 Tahun Koperasi LLM Berhad** pada hari ini.

Terima kasih.

وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ